

'Atasi ketandusan atlet'

Roslinda harap kepimpinan baru KOM buat perubahan cari bakat baru ganti atlet senior negara

>>Oleh Aida Adilah Mat

aida@hmetro.com.my

SUDAH masanya Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) mencari bakat baru bagi menampung ketandusan atlet sedia ada di bawah teraju kepimpinan Datuk Zainal Abidin Ahmad.

Jika benar, Roslinda Samsu dan Noraseela Khalid, dua penyumbang utama pingat emas negara di Sukan Sea terpaksa menarik diri kerana alasan tertentu, persoalannya adakah KOM mampu merealisasikan sembilan emas disasarkan.

Bagi Roslinda, dia amat berharap kepimpinan baru dapat membuat perubahan kerana sampai bila KOM meletakkan harapan kepada atlet senior.

Roslinda menegaskan kehadirannya dalam arena olahraga negara bukan mengejar insentif ditawarkan sebaliknya atas dasar minat yang mendorongnya untuk terus terbabat dalam sukan

itu hingga kini.

Namun, anak kelahiran Kedah itu perlu menerima hakikat dia bakal meninggalkan sukan itu biarpun tanpa keelaannya satu hari nanti.

Katanya, pucuk pimpinan baru dalam KOM memberi sinar baru, bagaimanapun dilemanya sebagai seorang guru bakal menyekat segala kemahuan pemenang tiga pingat emas Sukan Sea itu.

"Pengajian saya di UPM sudah tamat dan saya akan bergelar seorang guru dan kini menunggu untuk dihantar mengajar. Jika tempatnya jauh dari MSN (Majlis Sukan Negara) mungkin saya terpaksa melupakan Sukan Sea.

"Tapi itu semua belum pasti, namun saya perlu sedia menghadapi perkara mendatang kerana masanya akan tiba," katanya yang menerima segulung ijazah Pendidikan Jasmani, Sabtu lalu.

Noraseela turut menghadapi dilema selepas ratu 400m lari berpagar negara itu dikatakan bakal menjalani



BINCANG...Zainal (kanan) berbual dengan Norsheela (kiri) dan Roslinda pada pertemuan 3 Oktober lalu.

Noraseela turut hadapi dilema selepas ratu 400m lari berpagar negara itu dikatakan bakal menjalani pembedahan lutut akibat kecederaan berulang dan mungkin terpaksa melupakan hasrat beraksi di Sukan Sea, hujung tahun depan

pembedahan lutut akibat kecederaan berulang dan mungkin terpaksa melupakan hasrat beraksi di Sukan Sea, hujung tahun depan.

Jika benar Roslinda dan Noraseela terpaksa menarik diri, KOM bakal berdepan tugas getir memperbaiki pencapaian sebelum ini.

Roslinda antara penyumbang lima pingat emas di Sukan Sea Indonesia dengan mencipta rekod temasya menerusi ketinggian 4.20m manakala Noraseela merekodkan 57.41s untuk emas.